

ANM(T)81/10/6/10/Jld.5(3)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara

Semua Pusat Gaji



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2006**

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS
PRESTASI KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2006**

1. TUJUAN

- 1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut:-
 - i) Imbuhan Tahunan kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan; dan
 - ii) Bayaran Khas Prestasi kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006.

2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN/BAYARAN KHAS PRESTASI

- 2.1. Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang perlu dibayar hendaklah dikira berasaskan kepada gaji pokok (termasuk elaun memangku) bagi bulan **Oktober 2006** kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada bulan Oktober 2006, perkiraan adalah berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.
- 2.2. Kadar Imbuhan Tahunan telah ditetapkan seperti berikut:-
 - i.) **2 bulan gaji** bagi anggota yang berpendapatan sehingga RM750.00 sebulan dan
 - ii.) **1 bulan gaji** atau minimum **RM1,500.00** bagi anggota yang berpendapatan melebihi RM750.00.
- 2.3. Kadar Bayaran Khas Prestasi telah ditetapkan sebagai **1 bulan gaji**.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN/BAYARAN KHAS PRESTASI

3.1. Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibuat separuh bersamaan gaji bulan **Oktober 2006** dan separuh lagi bersamaan gaji bulan **Disember 2006**. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi:-

3.1.1. Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi tersebut akan diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Anggota Perkhidmatan Awam digalakkan untuk menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

3.1.2. Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran 'upah' dalam seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat dengan sewajarnya.

3.1.3. Bayaran bagi anggota di bawah Sistem Gaji Berkomputer

Bagi Anggota Perkhidmatan Awam di mana gajinya dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer perkara berikut hendaklah diambil maklum:-

- i) Penyata Perubahan (Kew. 8) tidak perlu disediakan.

Pejabat Perakaunan (cawangan-cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan ZRPY030** sebagai menggantikan Penyata Perubahan untuk bayaran yang pertama dan kedua.

ii) Kementerian/Jabatan hendaklah **menyemak** amaun Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi yang dibayar seperti di dalam **Laporan ZRPY030** terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya dan mereka yang hanya layak menerimanya secara "*proportionate*" seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006. Laporan ZRPY030 yang dicetak adalah berdasarkan gaji bulan Oktober 2006. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang Anggota Perkhidmatan Awam.

iii) Bagi anggota yang tidak tersenarai dalam Laporan ZRPY030 seperti di para 3.1.3 (ii) tetapi gajinya adalah diproses dalam Sistem Gaji Berkomputer, bayaran Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibuat melalui SG20 pada bulan berikutnya.

3.1.4. **Dokumen Sokongan Bagi Bayaran Yang Tidak di Bawah Sistem Gaji Berkomputer**

Bagi Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi yang dibayar tidak di bawah Sistem Gaji Berkomputer, Penyata Perubahan (Kew.8) hendaklah disediakan bagi pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrek dan guru sandaran.

3.1.5. **Pelarasan untuk Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi**

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

3.1.6. **Kod Urusniaga**

Kod-kod urusniaga yang perlu digunakan adalah seperti berikut:-

KOD SODO	KOD ELAUN	PERIHAL KOD ELAUN
15103	1056	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
15204	1056	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
29304	1056	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara Dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap
15105	1501	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama
15205	1501	Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan

KOD SODO	KOD ELAUN	PERIHAL KOD ELAUN
15103	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
15204	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
15105	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama
15205	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan

- 3.2. Pembayaran Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi ini adalah menjadi tanggungan pejabat baru di mana pegawai ditempatkan. Walau bagaimanapun untuk Anggota Perkhidmatan Awam di mana gajinya dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer dan gaji mereka masih dibayar oleh pejabat lama untuk gaji bulan Oktober atau Disember 2006, maka Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi dibayar di pejabat lama tersebut. Tetapi sekiranya Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi ini tertinggal disediakan oleh pejabat lama, maka pejabat baru hendaklah menyediakan Imbuhan/Bayaran Khas Prestasi secara SG20 atau baucar berasingan.

4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN/BAYARAN KHAS PRESTASI

- 4.1. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah membayar Imbuhan dan Bayaran Khas Prestasi ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”Etika Cemerlang Perakaunan Gemilang”

(DATO’ MOHD. SALLEH BIN MAHMUD)

Akauntan Negara Malaysia.

September 2006

- s.k.
1. Ketua Audit Negara.
 2. Semua Pegawai Kewangan Negeri.
 3. Semua Akauntan/Bendahari Negeri.
 4. Semua Pengurus Badan-badan Berkanun Persekutuan/Negeri.
 5. Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.
 6. Ketua Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri.
 7. Pengurus Besar KWSP.